

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
(PARIT)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 22.10.2015

Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah aliran keluar wang untuk disimpan di luar negara semenjak September 2014, sebagai langkah lindung nilai (*hedging*) kesan daripada kejatuhan mata wang Ringgit Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah ekonomi terbuka,

Malaysia terus mengalami aliran dua hala yang melibatkan urusan niaga perdagangan dan kewangan merentas sempadan. Negara telah mencatat aliran keluar wang bersih dalam akaun kewangan sebanyak RM5.8 bilion pada suku ketiga 2014 dan RM26.5 bilion pada suku keempat 2014. Dalam tempoh separuh pertama 2015 pula, aliran keluar wang bersih akaun kewangan adalah sebanyak RM27.4 bilion. Jumlah ini adalah kurang berbanding RM32.4 bilion yang dicatatkan pada tempoh separuh kedua 2014.

2. Dalam tempoh separuh pertama 2015, Malaysia telah mencatatkan aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) sebanyak RM22.4 bilion. Jumlah ini jauh lebih tinggi berbanding RM17.5 bilion yang dicatatkan dalam tempoh separuh kedua 2014. Pada masa yang sama juga, pelaburan langsung asing oleh syarikat Malaysia ke luar negeri (DIA) adalah sebanyak RM27.6 bilion, meningkat daripada RM17.7 bilion dalam tempoh separuh kedua 2014. Dengan jumlah DIA melebihi FDI, Malaysia telah mencatatkan aliran keluar pelaburan asing bersih sebanyak RM5.2 bilion dalam tempoh separuh pertama 2015.

3. Selain itu, pelaburan portfolio yang merupakan urus niaga antarabangsa dalam sekuriti ekuiti (seperti saham) dan sekuriti hutang (seperti bon, sukuk) mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM19.6 bilion berbanding aliran keluar bersih sebanyak RM31.5 bilion yang dicatatkan dalam tempoh separuh kedua 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Meskipun akaun kewangan mengalami aliran keluar wang bersih dalam tempoh separuh pertama 2015, namun rizab antarabangsa yang kukuh, pasaran modal yang mendalam dan kumpulan pelabur institusi kewangan tempatan yang besar, seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, syarikat insuran dan pengurusan dana akan berupaya mengurangkan kesan volatiliti aliran kewangan. Selain itu, pengawasan dan pemantauan yang berterusan oleh Bank Negara Malaysia turut menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan negara dan serantau.